



SEMINAR KEPIMPINAN ISLAM SERANTAU

Seminar on Regional Muslim Leadership

A k a d e m i P e n g a j i a n I s l a m U n i v e r s i t i M a l a y a

Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam

Muslim Leadership According to Brunei Experience

Pengiran Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Hj. Abd Rahman

Pengarah Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam

Director, Islamic Studies Institute, Brunei Darussalam

29 Safar & 1 Rabi^c al-Awwal 1420

14 & 15 Jun 1999

Dewan Kuliah Utama
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya



tradisi kecemerlangan

KEPIMPINAN ISLAM MENURUT PENGALAMAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan, perkataan “Kepimpinan” bererti “Keupayaan memimpin”, contohnya : kepimpinan melalui teladan (Dr.Teuku Iskandar, 1984 : 890) Ini bermakna “Kepimpinan” itu adalah merujuk kepada tokoh-tokoh yang memimpin dengan melihat kesan-kesan dari pimpinannya. Jadi pada hemat saya “Kepimpinan Islam” itu adalah bermaksud bagaimana para pemimpin berupaya memberikan pimpinannya berlandaskan ajaran Islam.

Dalam kontek Negara Brunei Darussalam, “Kepimpinan Islam” itu sudah bermula seawal abad ke 14 Masihi bila mana raja Brunei yang bernama Awang Alak Betatar memeluk Islam dengan memakai nama Muhammad Syah maka para pembesar negara dan rakyat baginda juga telah turut sama memeluk ugama tersebut.

2. KEPIMPINAN ISLAM ZAMAN TRADISI

Kepimpinan Islam di Brunei diperkuuhkan lagi apabila Sultan Syarif Ali (1425-1432) naik takhta menjadi Sultan Brunei yang ke tiga. Syarif Ali adalah seorang berbangsa Arab dari keturunan Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam melalui cucunda baginda Syedina Hasan atau Syedina Hussain, tetapi lebih kuat keterangan bahawa keturunan Syarif Ali datangnya daripada Syedina Hussain.

Di Brunei antara tugas pertama Syarif Ali ialah membina masjid bagi keperluan mendirikan sembahyang fardu berjemaah dan sembahyang fardu Jumaat. Baginda juga menjadi imam dan membaca khotbah (P.L. Amin Sweeney, 1968: 11), dan menjadikan masjid itu tempat menyibarkan ilmu-ilmu Islam. Ini bermakna baginda itu bukan sahaja bertindak selaku pemerintah tetapi juga secara langsung berdakwah dan menjadi guru yang menyampaikan ajaran-ajaran Islam kepada penduduk tempatan. Sumber tradisi menyatakan:

Maka Syarif Ali inilah mendirikan ugama Islam dan mengeraskan syariat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam Brunei dan membuat masjid.
(P.L. Amin Sweeney, 1968: 54).

Perkataan “mengeraskan” di sini sama ertinya dengan menguatkan. Ini menunjukkan ugama Islam pada masa itu sudah mulai teguh di Brunei dan kehidupan orang-orang Brunei juga mengikut syariat Islam.

Hubungan Brunei yang baik dengan Melaka pada masa itu (awal abad ke 15 Masihi) setentunya membolehkan pedagang dan muballigh Arab yang datang ke Melaka meneruskan perjalanan mereka ke Brunei. Dengan ini, selain Syarif Ali ada lagi lain-lain ulama yang datang ke Brunei untuk memperteguh kedudukan perkembangan Islam di Brunei seperti Syarif Muafaqqih, Sheikh Adam, Syarif Hud, dan Sulaiman bin Abdul Rahman bin Abdullah Nurullah yang mana nisan-nisan merka itu terdapat di Brunei.

David Leak mengatakan:

Syarif Ali telah berperanan menyibarkan ugama Islam di kalangan penduduk tempatan di Brunei di bawah pemerintahan dua orang sultan juga semasa baginda sendiri memerintah sehingga baginda dikenal sebagai "Sultan Berkat". Baginda juga membina masjid. Baginda adalah "Raja Cermin" yang disebut oleh Stamford Raffles sebagai pendakwah yang cuba berusaha untuk mengislamkan raja Majapahit (David Leak, 1990:90).

Keterangan ini menunjukkan bahawa kepimpinan Islam di Brunei telah diberi asas yang kuat oleh Syarif Ali yang bukan sahaja berusaha mengembangkannya di dalam negeri malah juga ke luar negeri. Ini diakui oleh penulis bukan Islam yang disebut di atas iaitu David Leak yang menyebut pendapat Stamford Raffles.

Selepas Sultan Syarif Ali, putera baginda yang bernama Sultan Sulaiman telah menaiki takhta kerajaan Brunei. Sumber-sumber tradisi tidak banyak menyebut mengenai Sultan Sulaiman ini. Bagaimanapun dipercayai baginda ini meneruskan usaha-usaha yang sudah ditaja oleh ayahanda baginda dari segi memperkuatkan ajaran Islam di Brunei kerana baginda sendiri adalah seorang yang warak dan berpegang teguh kepada ajaran Islam (Yura Halim dan Jamil Omar, **Sejarah Brunei**, hal. 29). Dalam pada itu baginda juga mengarahkan rakyat baginda membangunkan sebuah kota di kuala sungai Brunei sebagai benteng pertahanan dari serangan musuh negara dan musuh Islam (F.G. Whelan, 1970:66).

Kepimpinan Islam di Brunei bertambah cemerlang dalam zaman pemerintahan Sultan Bolkiah (1485-1524) iaitu Sultan Brunei ke 5. Kecemerlangan ini adalah kerana asas kukuh yang telah disediakan oleh ayahandanya Sultan Sulaiman dan Nindanya Sultan Syarif Ali. Sebagai seorang cucu dari seorang pendakwah dan ulama besar adalah dipercayai Sultan Bolkiah sebanyak sedikit mewarisi akhlak, keilmuan, semangat jihad dan ketakwaan yang dimiliki oleh Nindanya. Kemasyhuran Sultan Bolkiah adalah kerana penaklukan-penaklukan yang dilakukannya di seluruh pulau Borneo hingga sampai ke sebahagian kepulauan Filipina seperti kesultanan Sambas, Kotaringin, Bolongan, kepulauan Sulu, kepulauan Balabac, Banggi, Belambangan, Matanani dan bahagian utara pulau Palawan hingga ke Manila (Yura Halim dan Jamil Omar, **Sejarah Brunei**, hal. 29).

Para periyawat mengatakan bahawa penaklukan-penaklukan yang dilakukan oleh Sultan Bolkiah itu bukanlah secara peperangan sebaliknya secara diplomasi dan perundingan. Sifat-sifat baginda yang terkenal adil, ikhlas, kasihkan rakyat telah menyebabkan banyak negeri-negeri yang disinggahi oleh baginda itu memohon perlindungan untuk bernaong di bawah panji-panji Kerajaan Brunei tanpa memerlukan pertumpahan darah dan korban nyawa (Pehin Jamil, 1971:26).

Sebenarnya penaklukan-penaklukan tersebut bukanlah semata-mata atas tujuan politik, tetapi juga untuk menyibarkan ugama Islam ke wilayah-wilayah berkenaan. Dalam zaman Sultan Bolkiah ini dapat dilihat

kepimpinan Islam itu di rantau sebelah sini berada dalam genggaman Brunei. Ini tidak menghairankan kerana kemerosotan kesultanan Melaka sebagai pusat penyibaran Islam di Alam Melayu di akhir-akhir abad ke 15 Masihi telah menyebabkan ramai para pedagang dan pendakwah Arab datang ke Brunei yang mana kesan positifnya ialah turut memperkuatkan kedudukan Islam di Brunei. Ini terjadi kerana mereka yakin bahawa Brunei berupaya menjadi salah satu tempat baharu yang mampu memainkan peranan utama menerajui kepimpinan Islam di rantau ini.

Tugas besar yang dipikul oleh Sultan Saiful Rijal (1533-1581) Sultan Brunei yang ke-7 ialah memelihara dan mempertahankan akidah Islam di Brunei. Jika baginda ini lemah dalam menangani cabaran tersebut ada kemungkinan ajaran Islam akan berkubur di Brunei dan negeri ini bertukar corak menjadi sebuah negeri Keristian sebagaimana halnya berlaku di Filipina. Tetapi dengan kepimpinan Islam yang kuat pada masa itu, dan sokongan padu para pembesar, para ulama dan kaum muslimin telah membolehkan Brunei mengatasi detik-detik yang mencemaskan itu.

Peristiwa tersebut ialah bila mana orang-orang Sepanyol yang telah bertapak di Manila menyerang Brunei dalam tahun 1578 Masihi, seterusnya berusaha pula untuk mengkeristiankan orang-orang Brunei. Para perajurit Brunei yang dikepalai oleh Pengiran Bendahara Sakam (adik Sultan Saiful Rijal) telah bangkit menentang penjajah tanah air mereka. Orang-orang Sepanyol akhirnya dapat diusir pada tahun berikutnya (1579).

Ini menunjukkan jika wujud kepimpinan Islam yang kuat dengan semangat jihad dan cintakan tanah air, maka musuh sehebat manapun akan dapat ditewaskan.

Kepimpinan Islam di Brunei kemudian diterajui oleh Sultan Hasan (1582-1598) Sultan Brunei yang ke 9. Puncak kegemilangan kesultanan Brunei adalah dalam zaman pemerintahan baginda ini. Sumbangan besar baginda ialah menyusun jentera pentadbiran, menghidupkan adat istiadat dan memperkuatkan ajaran Islam. Salah satu usaha baginda ialah mengadakan Hukum Kanun Brunei yang jelas sebahagian besar kandungannya di salin dari Hukum Kanun Melaka. Lebih separuh daripada kandungan dalam Hukum Kanun Brunei adalah berunsurkan Islam. Ianya telah dijadikan salah satu sumber rujukan dalam zaman pemerintahan Sultan Hasan dan berfungsi hingga ke tahun 1912 apabila ianya digantikan dengan “The Muhammaden Law” (Undang-Undang Brunei, Chapter 31, Muhammaden Law 1912) iaitu setelah Residen British berkuasa di Brunei pada tahun 1906 (*State of Brunei, Annual Report, 1958: 200*).

Dalam zaman pemerintahan Sultan Hasan, kepimpinan Islam dipertingkat dan diperluaskan lagi dengan cara memberikan tanggungjawab kepada ramai bilangan pembesar negara. Contohnya ialah Pengiran Bendahara Seri Maharaja iaitu wazir yang pertama dari empat wazir (terkanan selepas Sultan) telah diberikan kewajipan antaranya “menjadi pengetua tertinggi dalam hal ehwal ugama Islam” (P.M. Yusuf, 1975:43).

Dalam susunan pembesar-pembesar Brunei, di bawah peringkat wazir ialah “Kepala Ceteria” yang mengandungi 4 orang kepala ceteria. Salah seorang darinya ialah Pengiran Paduka Tuan telah diberikan tanggungjawab khusus mengenai urusan Islam “menjadi pengetua besar dalam hal ehwal adat istiadat, ugama Islam sebagai pengapit kepada Pengiran Pemanca”.

Selain gelaran wazir dan ceteria yang mana penyandangnya diperuntukkan kepada pengiran-pengiran, kerajaan tradisi Brunei juga mengadakan gelaran “manteri” (ejaan bukan “Menteri”) yang dapat dibagikan kepada dua bahagian iaitu “Manteri Ugama” dan Manteri Bukan Ugama”. Penyandang gelaran “Manteri” lazimnya ini bukan dari keturunan pengiran-pengiran.

Gelaran Manteri Ugama atau Pehin Ugama itu telah lama wujud dalam kerajaan tradisi Brunei. Gelaran Manteri Ugama mengandungi: Seorang kepala manteri iaitu Pehin Datu Seri Maharaja (mufti), 4 orang Imam iaitu Pehin Datu Imam, Pehin Siraja Khatib, Pehin Tuan Imam, dan Pehin Udana Khatib, 4 orang khatib dan 4 orang mudim (Mudim bukan Manteri). Dipercayai semua gelaran-gelaran ini adalah unik dan khas bagi Brunei sahaja (Pehin Haji Yahya, **Pehin-Pehin Manteri Ugama...., hal. 1).**

Sebenarnya gelaran adat istiadat ‘Manteri-Manteri Ugama’ telah wujud sekurang-kurangnya pada zaman Sultan Saiful Rijal lagi.

Ini dibuktikan dengan adanya laporan “Magad China” (Jurubahasa Sepanyol) yang menyebutkan adanya seorang pegawai di dalam istana sultan yang bergelar “Khatib”. Laporan itu secara tidak langsung telah menyebut bagaimana besarnya pengaruh “Khatib” itu terhadap tindakan-tindakan kerjaan Brunei sehingga akhirnya Sepanyol tidak dapat bertapak untuk mengembangkan pengaruh dan ugama Keristian di Brunei selepas mereka kalah kepada penentangan pihak Brunei (Ibid, hal. 5).

Tugas-tugas dan tanggungjawab Manteri-Manteri Ugama itu adalah sebagaimana jadual berikut:

JADUAL I: JAWATAN DAN BIDANG TUGAS MANTERI-MANTERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI UGAMA

JAWATAN	GELARAN	BIDANG TUGAS
Kepala Manteri	Pehin Datu Seri Maharaja	<ul style="list-style-type: none">1. Menjadi pengawas hal ehwal ugama Islam.2. Menjadi pengawas bagi perjalanan hukum ugama (Islam).3. Menjadi hakim besar hal ehwal yang bersangkutan dengan hukum syarak.

Imam-Imam	Pehin Siraja Khatib	<ul style="list-style-type: none"> 1. Menjadi hakim bagi hal ehwal yang bersangkutan dengan hukum syarak. 2. Menjadi Imam masjid. 3. Membaca khutbah Hari Raya Fitrah, jika Sultan hadir.
	Pehin Datu Imam	<ul style="list-style-type: none"> 1. Menjadi imam besar 2. Menjadi pengatur hal ehwal ugama.
	Pehin Tuan Imam	<ul style="list-style-type: none"> 1. Menjadi Imam besar 2. Menjadi pengawas hal ehwal masjid.
	Pehin Udana Khatib	<ul style="list-style-type: none"> 1. Menjadi imam masjid 2. Menjadi pembaca khutbah Hari Raya Haji, jika Sultan hadir. 3. Menjadi ketua khatib-khatib.
Khatib-khatib	Khatib-khatib (4 orang)	<ul style="list-style-type: none"> Menjadi pembaca khutbah tiap-tiap hari Jumaat, dan menjadi imam masjid pada tiap-tiap waktu bergilir-gilir.

Mudim-mudim	Mudim-mudim (4 orang)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bang di masjid pada tiap-tiap hari Jumaat, dan tiap-tiap waktu sembahyang bergilir-gilir. 2. Menjalankan urusan hal ehwal bersangkutan dengan ugama Islam yang diadakan di istana dan di rumah-rumah wazir dan ceteria.
-------------	----------------------------	---

Di sini jelaslah bahawa kepimpinan Islam di Brunei bukan hanya di monopoli oleh para sultan, tetapi telah diagih-agihkan juga kepada para pembesar negara yang meliputi semua lapisan pembesar yang berkedudukan tinggi iaitu Wazir, Ceteria dan Manteri-Manteri Ugama. Manteri-Manteri Ugama itu sebenarnya adalah para ulama yang secara langsung terlibat dalam pentadbiran kerajaan tradisi Brunei. Sistem ini sudah wujud sejak awal Brunei menerima Islam. Tetapi telah diperkemaskan lagi dalam zaman pemerintahan Sultan Hasan. dan seterusnya masih berjalan hingga ke hari ini. Gelaran Manteri-Manteri Ugama masih dipakai dan berfungsi dalam menangani hal ehwal keugamaan. Adapun fungsi Wazir dan Ceteria yang berkenaan itu nampaknya tidak lagi kelihatan. Ini mungkin kerana dalam era moden ini telah diwujudkan institusi khusus seperti Majlis Ugama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Ugama (kemudian dinaikkan tarafnya menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama) yang bertanggungjawab menangani hal-hal keugamaan.

3. ZAMAN MALAP KEPIMPINAN ISLAM

Selepas kemangkatan Sultan Hasan kira-kira pada dekad kedua dalam abad ketujuh belas Masihi, Brunei mengalami zaman merosot dari segi perkembangan Islam. Selama lebih dua abad Brunei tidak mempunyai tokoh yang menonjol untuk memimpin atau memberikan kepimpinan Islam dari kalangan sultan-sultan dan sekaligus melibatkan diri secara langsung dalam dakwah Islam. Ini jika diperhatikan berbeza dengan zaman-zaman sebelumnya di mana dalam setiap abad itu ada sultan-sultan yang berwibawa dan di segani serta berperanan besar dalam mendokong risalah Islam, umpamanya pada abad ke 14 Masihi muncul Sultan Syarif Ali sebagai ulama, pendakwah dan sekaligus memerintah negara. Pada abad ke 15 Masihi muncul Sultan Bolkiah yang berperanan menyibarkan Islam melalui penaklukan dan perkahwinan. Pada abad yang sama ini juga muncil Sultan Saiful Rijal yang berperanan besar mempertahankan akidah Islam di negara ini. Pada abad ke 16 dan ke 17 Masihi muncul Sultan Hasan yang berperanan menyusun sistem pentadbiran, adat istiadat dan melaksanakan hukum syarak. Tetapi dalam abad ke 18 dan 19 Masihi tokoh-tokoh seperti di atas tidak wujud. Soalnya mengapaakah terjadi begitu?

Satu sebab yang dapat direnungkan ialah dalam abad ke 18 dan ke 19 Masihi Brunei semakin terdedah kepada pengaruh kuasa-kuasa besar dari Barat dalam perlumbaan mereka untuk menduduki Brunei seperti

Amerika, Jerman, British dan Belanda yang masing-masing ingin menguasai dan mendapat tempat di Brunei khasnya untuk menguntungkan ekonomi. Tetapi kuasa-kuasa Barat pada kali ini lebih berhati-hati terhadap Brunei, tidak seperti orang-orang Sepanyol sebelumnya. Kuasa-kuasa Barat menggunakan taktik yang halus dan berdiplomasi demi untuk mencapai matlamat mereka. Akhirnya yang berjaya mendapat tempat di Brunei ialah orang-orang Inggeris. Mereka inilah yang bertanggungjawab melemahkan kedudukan Islam di Brunei. Orang-orang Inggeris bukan sahaja campur tangan dalam urusan politik dan kenegaraan Brunei, malah secara tidak langsung juga turut campur tangan dalam hal ehwal ugama Islam di Brunei.

Dapat dikatakan bahawa dalam abad ke 18 dan 19 Masihi kepimpinan Islam di Brunei tidak terserlah. Ini kerana pucuk pimpinan kerajaan diperkotak-katekkan oleh kuasa asing yang datang menduduki Brunei. Malah kuasa asing itu juga berusaha mengadu domba sehingga berlaku perpecahan di kalangan kerabat diraja dan pembesar negara yang memerintah yang berakhir dengan tragedi pertumpahan darah atau perang saudara yang menyedihkan. Mereka juga kadang-kadang menghambat kegiatan para pendakwah yang berpengaruh di sesuatu tempat itu dengan cara kekerasan sehingga membantutkan penyibaran Islam.

Kewibawaan kepimpinan Islam di Brunei tamat setelah Kerajaan Inggeris menempatkan Residennya dalam tahun 1906. Dengan itu Hukum Kanun Brunei juga tidak lagi berfungsi, malah digantikan dengan The

Muhammadan Law pada tahun 1912 yang kandungannya hanya mengenai perkara remeh temeh dan bukan perkara-perkara dasar dalam hukum syarak.

4. KEPIMPINAN ISLAM ERA MODEN

Kedudukan Islam yang semakin lemah ini akhirnya disedari oleh Al-Marhom Sultan Haji Omar Ali Saifuddin yang menaiki takhta kerajaan pada tahun 1950. Nampaknya Sultan Brunei yang ke 28 ini dihormati oleh orang-orang Inggeris kerana walaupun sifatnya lemah lebut, tetapi pendiriannya tegas dan sukar untuk dipatahkan, pandangannya juga jauh. Walaupun baginda menganggap orang-orang Inggeris sebagai sahabat, tetapi baginda tetap mahukan kegemilangan Islam di Brunei mengambil tempatnya semula. Baginda cenderung kepada hal-hal keugamaan dan sangat suka kepada ulama. Dua orang ulama yang sekaligus menjadi pembesar negara yang sering mendampingi baginda dan dipercayai banyak mempengaruhi keputusan baginda dalam meninggikan ugama Islam di negara ini ialah Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Haji Mohd.Salleh ibni Al-Marhom Pengiran Anak Haji Mohammad (pernah memegang jawatan Kadi Besar) dan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr.Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz (Mufti Kerajaan).

Oleh kerana itu sepanjang tempoh pemerintahan baginda selama 17 tahun (1950-1967) baginda telah menggunakan kesempatan itu sebaik-baiknya untuk menghidupkan dan membangunkan Islam di Brunei. Antara

perkara penting yang diusahakan oleh baginda ialah menubuhkan Majlis Syariah (1954), menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan Masyarakat (1954), menggubal Undang-Undang Ugama dan Mahkamah Kadi (1955), menubuhkan Majlis Ugama Islam (1956), menggubal Perlembangan Brunei (1959), mendirikan institusi pelajaran ugama bagi semua peringkat masyarakat Islam termasuk membangunkan Sekolah Arab Lelaki dan Perempuan (1966), menyuburkan pengajian Al-Quraan al-Karim, membina masjid di seluruh negara dan sebagainya. Akhirnya baginda telah dapat menyediakan asas pentadbiran dan pembangunan bagi sebuah negara sehingga baginda dikenali dengan jolokan “Arkitek Brunei Moden”, disamping baginda itu juga telah menyediakan asas bagi perkembangan Islam yang lebih cemerlang di negara ini pada dekad-dekad berikutnya.

Salah satu perkara yang menarik bagi mengukuhkan kepimpinan Islam di Brunei ialah kesedaran dan pandangan jauh Sultan Haji Omar Ali Saifuddin tentang pentingnya kedudukan ugama rasmi dan mazhab dicatatkan dalam Perlembangan Brunei 1959 seperti berikut:

Ugama rasmi bagi negara ini ialah ugama Islam menurut Ahlis-Sunnah wal Jamaah, tetapi ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya (Perlembangan Negeri Brunei 1959: 616)

Peruntukan ini telah meletakkan Brunei secara rasmi sebagai sebuah

negara Islam dan menyelamatkan Brunei dari perpecahan sesama sendiri akibat dari menganut berbagai mazhab, juga menghalang dari tersibar luasnya ajaran sesat di kalangan umat Islam di negara ini. Kepada pengikut ugama lain, amalan mereka tetap dihormati, hanya mereka tidak dibenarkan untuk menyibarkan ugama tersebut selain ugama Islam.

Perlembagaan juga mensyaratkan supaya pemegang teraju utama kerjaan hendaklah berugama Islam, menurut Ahlis-Sunnah wal Jamaah dan bermzahab Shafie. Ini telah menjamin lagi ajaran Islam itu akan sentiasa terpelihara dan mendapat perlindungan penuh dari pihak berkuasa. Keadaan ini berbeza dengan sesetengah negara yang tidak membuat peruntukan sedemikian di dalam perlembagaan mereka yang mana telah menimbulkan kegelisahan kerana adanya segolongan masyarakat yang menganut berbagai mazhab yang menyeleweng dan ajaran sesat serta semakin ramainya orang yang murtad.

Negara Brunei Darussalam sangat beruntung kerana asas-asas yang telah disediakan oleh Al-Marhom Sultan Haji Omar Ali Saifuddin dari aspek perkembangan dan penghayatan Islam telah dapat diteruskan oleh putera sulung baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah, Sultan Brunei yang ke 29 yang menaiki takhta pada 4hb Oktober 1967. Usaha ayahanda baginda tidak sia-sia, sebaliknya baginda perkukuhkan, perkembangkan dan perelokkan lagi. Maka wujudlah kesinambungan yang jarang-jarang kita dapati berlaku dalam sejarah di mana-mana negara Islam

dalam erti kata yang terdahulu menjadi pengasas tetapi orang yang datang kemudian menjadi pengukuh bukan peruntuh. Maka dengan cara inilah ugama Islam dapat diperlihara kesuciannya di negara ini. Dalam majlis meletakkan batu asas Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 8 Julai, 1968, baginda pernah bertitah:

Kerajaan Beta mahupun Kerajaan Paduka ayahanda Beta dahulu adalah sentiasa mengambil berat terhadap pelajaran di negeri ini terutama sekali pelajaran dan pendidikan ugama.

Jika pada zaman Al-Marhom Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, tahap pelajaran ugama hanya berada di peringkat rendah, tetapi Kebawah Duli yang Maha Mulia telah meningkatkan lagi tahap pelajaran ugama tersebut hingga ke peringkat menengah dan tinggi seperti membina Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (1972), membina Ma'ahad Islam Tutong (1987), membina Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam (1989), membina Universiti Brunei Darussalam (1985) yang didalamnya juga terdapat Fakulti Pengajian Islam (1993), membina Institut Tahfiz al-Quraan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang mana kesemuannya ini menunjukkan adanya keinginan baginda untuk melihat mutu dan tahap pelajaran ugama di negara ini meningkat tinggi dari semasa ke semasa. Atas keinginan baginda tentang perlunya Brunei Darussalam mempunyai hafiz-hafiz al-Quraannya sendiri, maka baginda telah memperkenankan pelaksanaan Kursus Menghafaz Al-Quraan yang dikendalikan oleh Jabatan

Hal Ehwal Ugama pada tahun 1978. Dari kursus ini muncullah seorang hafiz Al-Quraan yang pertama dari anak tempatan pada tahun 1985. Beliau ialah YDM.Pehin Khatib Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Untuk melihat institusi-institusi ugama berjalan dengan licin dan sempurna sesuai dengan kedudukan ugama Islam sebagai ugama rasmi di negara ini, maka pada tahun 1986 baginda telah menaikkan taraf Jabatan Hal Ehwal Ugama menjadi sebuah kementerian yang tersendiri dengan beberapa institusi di bawahnya yang dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mana kementerian seumpama ini tidak wujud di lain-lain negara di Alam Melayu yang berfungsi untuk memelihara maslahat kaum muslimin dan ajaran Islam berjalan dengan baik di negara ini. Juga tidak lama dahulu baginda juga telah memperkenankan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Masjid (1996). Kecintaan baginda kepada masjid dibuktikan dengan pembinaan Jami' Asri Hassanal Bolkiah (1993) yang menjadi di antara masjid yang terindah di Nusantara. Untuk mempraktikkan muamalah secara Islam, pada tahun 1991 baginda telah memperkenankan penubuhan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), pada tahun 1993 memperkenankan penubuhan Bank Islam Brunei (TBB), ini diikuti dengan Takaful Islam (Sistem Insuran Islam) yang beroperasi di negara ini. Baginda juga telah mengharamkan penggunaan arak di negara ini sepenuhnya pada tahun 1990 yang lalu. Pada tahun 1987, Baginda memerintahkan penulisan Mushaf Brunei Darussalam dengan tulisan tangan serta mencetaknya sebanyak lebih 150 ribu naskhah untuk digunakan oleh umat Islam di negara ini. Malah dihadiahkan juga kepada tetamu-tetamu negara.

Dalam pada itu pada tahun 1990 baginda juga telah menyatakan hasrat untuk melihat sistem perundangan di negara ini diselaraskan dengan undang-undang Islam. Untuk tujuan ini satu jawatankuasa khas telah dibentuk bagi melaksanakannya yang dianggotai oleh pakar-pakar perundangan tempatan dan luar negeri. Barangkali hadiah yang paling berharga dari baginda kepada jenerasi Islam sekarang dan masa akan datang ialah Watikah Kemerdekaan yang telah dititahkan oleh baginda semasa pengishtiharan Kemerdekaan negara ini pada 1 Januari 1984 yang lalu. Antara lain titah baginda:

Dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu wa Taala akan selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran ugama Islam menurut Ahlis Sunnah wal Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, ketenteraman dan keselamatan, kebijakan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta....

Dengan ini jelas usaha-usaha dan kepekaan baginda untuk membangunkan ajaran Islam di negara ini. Selain dari perkara-perkara yang disebutkan, banyak lagi yang tidak tersentuh dalam kertas ini mengenai hal ehwal Islam yang mendapat perhatian baginda. Baginda dilihat bukan sahaja dapat memimpin negara ini dengan baik dari segi politik, sosial, perhubungan antarabangsa, ekonomi, budaya dan pembangunan, malah sebagai Ketua Ugama baginda juga dapat memberikan kepimpinan Islam di atas landasan yang di redhai Allah.

Sebenarnya kepimpinan baginda itu tidak seharusnya dilihat dari aspek individu, malah adalah merupakan kerjasama antara baginda dengan kerajaan baginda sendiri yang terdiri dari berbagai organisasi dan institusi serta masyarakat seluruhnya yang ingin sama-sama menghayati ajaran Islam yang unggul. Kepekaan baginda kepada kepimpinan Islam ini dapat dilihat bila mana hampir keseluruhan jawatan-jawatan tinggi dalam kerajaan adalah dipegang oleh orang-orang Islam tempatan yang memiliki kelulusan dari pusat-pusat pengajian tinggi disebarang laut seperti United Kingdom, Amerika, Australia, Kanada, Mesir, Malaysia, Singapura, Indonesia dan lain-lain. Malah para lulusan ugama diberi peranan besar untuk sama-sama menerajui dan menjalankan jentara Kerajaan dengan dilantik menjadi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan, Ahli-Ahli Diplomat, Pentadbir, Pensyarah dan sebagainya.

Di negara ini, institusi Mufti mempunyai kewibawaan dan peranan besar dalam pentadbiran Kerajaan. Ini terbukti apabila fatwa-fatwa Mufti Kerajaan selalunya diambil kira ketika menjalankan dasar-dasar Kerajaan supaya tiada percanggahan dengan hukum syariah.

Suatu yang menarik lagi ialah dari kepimpinan Islam itu yang berakar sejak lima kurun yang lalu, maka negara ini telah menghayati falsafahnya yang tumbuh subur dengan sendirinya iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). Falsafah ini jelas wujud dan dihayati di negara ini dalam aspek pemerintahan, politik, adat istiadat, budaya, sosial, perundangan, kesenian dan seumpamanya.

15. KESIMPULAN

Setelah mengikuti keterangan-keterangan di atas jelas bahawa para sultan Brunei bukan sahaja bertindak sebagai Ketua Negara, tetapi juga memang benar-benar bertindak sebagai Ketua Ugama. Sebagai Ketua Ugama mereka bukan semata-mata menjadi penyeri majlis keagamaan, tetapi memang benar-benar terlibat dalam menegakkan, menyebarkan dan mengembangkan ajaran Islam itu baik di dalam negeri malah juga keluar negeri seperti yang dilakukan oleh Sultan Syarif Ali, Sultan Bolkiah, Sultan Saiful Rijal juga Sultan Hasan sehingga pada zaman itu Brunei dapat membentuk rangkaian daerah atau negara-negara pesisir yang menganut Islam di seluruh pulau Borneo sampailah ke bahagian selatan Filipina termasuk Sulu, Mindanao dan Manila.

Brunei menikmati zaman gemilangnya ini sehingga awal abad ketujuh belas Masihi. Para pembesar negara yang terkanan dalam hiraki sistem pemerintahan tradisi dan para ulama diberikan peranan besar pada mendukung dan melaksanakan ajaran Islam. Selepas kemangkatan Sultan Hasan, Brunei mulai mengalami zaman kemerosotannya baik dari segi kuasa politik mahupun sebagai pusat penyebaran Islam. Ini kerana sultan-sultan yang memerintah selepas itu nampaknya tidak mempunyai kewibawaan yang tinggi. Tambahan lagi kuasa-kuasa Barat berlumba-lumba menduduki Brunei yang akhirnya dimenangi oleh Inggeris. Kuasa politik Brunei terhakis, wilayahnya semakin mengecil, sehubungan itu perkembangan Islam juga terbantut.

Keadaan negatif ini berlaku sehingga pertengahan abad ke 20 Masihi iaitu bilamana Sultan Haji Omar Ali Saifuddin menaiki takhta pada tahun 1950, baginda telah berusaha menghidupkan semula syiar Islam dan membangunkan ajaran Islam itu dari segala aspeknya. Keadaan ini diperkuatkan lagi oleh anakanda sulung baginda iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'Izaddin Waddaulah yang mengambil alih teraju pemerintahan negara pada tahun 1967.

Dalam hal ini para ulama turut memberikan sumbangan dalam pentadbiran Kerajaan. Malah adanya hubungan yang baik antara ulama dan umara telah membolehkan ajaran Islam itu, tersibar luas, mantap, berwibawa dan dapat dihayati oleh seluruh rakyat yang majoritinya kaum muslimin di Negara Brunei Darussalam.

Kepimpinan Islam dari kedua-dua sultan ini amat terserlah. Kerajaan mereka ini teguh dan berjaya adalah kerana wujudnya perlembagaan negara yang meletakkan Islam dengan aliran Ahli Sunnah wal Jamaah, mazhab Shafie sebagai landasannya, wujudnya sistem kehakiman Islam, wujudnya Kerajaan yang dikendalikan oleh orang-orang Islam. Wujudnya jentera-jentera dalam Kerajaan yang saling berkerjasama dalam mendukung ajaran Islam, wujudnya institusi-institusi keugamaan yang berperanan kearah menegakkan, menyuburkan dan mengembangkan syiar Islam. Dengan itu telah meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai

sebuah negara Islam yang walaupun kecil bentuk dan bilangan penduduknya, tetapi mempunyai semangat yang tinggi untuk menghayati ajaran Islam sebagai pegangan untuk menuju kehidupan yang gemilang dan sempurna di dunia dan akhirat.

Brunei mengembangkan ajaran Islam itu baik di dalam negeri maupun ke luar negeri seperti yang dilakukan oleh Sultan Syarif Ali, Sultan Bolciah, Sultan Hassanal Bolkiah dan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berjasa besar dalam mengembangkan ajaran Islam di dalam negeri dan ke luar negeri. Sultan Hassanal Bolkiah yang merupakan Sultan Brunei ketiga yang dilantik pada tahun 1984, telah memberikan perhatian yang besar terhadap perkembangan Islam di Brunei Darussalam.

Brunei memikmati zaman gemilangnya ini sehingga awal abad ke-19 Brunei mengalami kemajuan yang sangat pesat. Kebangkitan Brunei pada masa itu berawal dari kerajaan Brunei yang dibangun oleh Sultan Hassanal Bolkiah yang merupakan Sultan Brunei ketiga yang dilantik pada tahun 1984. Sultan Hassanal Bolkiah yang merupakan Sultan Brunei ketiga yang dilantik pada tahun 1984, telah memberikan perhatian yang besar terhadap perkembangan Islam di Brunei Darussalam.

RUJUKAN:

Al-Haddad, Syed Alwi bin Tahir, **Sejarah Perkembangan Islam di Timur Jauh**, Jakarta: Al-Maktab Al-Dailami, 1957.

, **Al-Madkhal Ila Tarikh al-Islam fi Al-Sharg Al-Aqsa**, Al-Kaherah: Dar al-Fikri al-Hadith, 1971M/1391H.

Brown, D.E., "Spanish Account of Their Expedition Against Brunei in 1578-79". **Brunei Museum Journal**, Vol. 3, No. 1, 1974.

Hallet, Hughest, "A Sketch of the History of Brunei" dlm. **The Brunei Museum Journal**, Vol. 5, No. 1, 1981.

Leak, David, Jr. **Brunei: The Modern Southeast Asia Sultanate**, Kuala Lumpur: **FORUM**, 1990.

Low,Hugh, "Selesilah (Book of the Descent) of the Rajas of Brunei" dlm. **JSBRAS**, No. 5, 1880.

Majul, Ceser Adib, Terj: Shamsuddin Jaafar, **Islam di Filipina**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Nicholl, Robert, **European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the 16th Centuries**, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr.Haji Mohd.Jamil Al-Sufri, "The Story of Bendahara Sakam" dlm. **Brunei Museum Journal**, Vol. 3, No. 3, 1975.

Tersilah Brunei, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1990.

Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, **Pehin-Pehin Manteri Ugama sebagai "Institusi" dan Peranan Mereka Dalam Pentadbiran dan Pemerintahan Negara di Brunei**, Brunei: Jabatan Percetakan Kerajaan, tanpa tarikh.

Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd.Rahman, **Islam di Brunei Darussalam**, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

_____, "Kemasukan dan Perkembangan Islam di Borneo British dengan Tumpuan Khas ke Atas Brunei Darussalam (Abad 13-20 Masihi)" Tesis Ph.D.Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991.

PM.Yusof, "Adat Istiadat Diraja Brunei Darussalam" dlm.**Brunei Museum Journal**, Vol. 3, No. 3, 1975.

Raffles, Thomas Stamford, **The History of Java**, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982

Singh, D.S.Ranjit, **Brunei: 1839-1983 The Problem of Political Survival**, Singapore: Oxoed University Press, 1984.

State of Brunei, **Annual Report, 1958**.

State of Brunei, **Annual Report, 1965**.

Surat-Surat Perlembangan Negeri Brunei, 1959.

Sweeney, P.L.Amin, "Silsilah Raja-Raja Brunei" dlm. **JMBRAS**, Vol. 41, PT.2 1968.

Undang-Undang Brunei, Chapter 31, Muhamadden Law, 1912.

Whelan, F.G. **A History of Sabah**, Singapore: Mcmillan, 1970.

Yura Halim dan Jamil Omar, **Sejarah Brunei**, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, tanpa tarikh.

Akhbar Pelita Brunei.